

# Pembangunan seimbang: PM

11 01 JAN 1992

KUALA LUMPUR, Selasa — Matlamat pembangunan negara ialah mengimbangkan kemajuan material dengan pembangunan rohani serta pengkalan nilai murni, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, maju atau mundurnya sesuatu bangsa ditentukan oleh etika dan nilai yang mereka amalkan, iaitu penguguran etika baik yang diamalkan ketika maju akan menyebabkan sesuatu bangsa menjadi mundur.

"Sebaliknya, apabila etika mulia diserapkan ke dalam budaya bangsa

yang mundur, dalam jangka masa yang singkat, bangsa itu akan maju. Demikian juga dengan kaum atau individu," katanya dalam perutusan Tahun Baru 1992 yang disiarkan ke seluruh negara melalui RTM malam ini.

Perdana Menteri berkata, percubaan mengasingkan orang Islam daripada proses pembangunan ke arah Wawasan 2020 kerana kononnya wawasan itu bertumpu hanya kepada kebendaan, adalah usaha untuk mengekalkan kemunduran umat Islam sebagaimana yang dikehendaki musuh Islam.

"Tidaklah keterlaluan jika kita berkata bahawa

mereka ini, secara sadar atau tidak sadar, bersubahat dengan musuh Islam. Dakyah mereka ini menjadi lebih buruk apabila mereka sendiri mendapat nikmat daripada pembangunan yang mereka kekam," ujarnya.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, Wawasan 2020 sebenarnya bertujuan mengimbangkan pembangunan material dengan rohaniah sebagaimana yang dikehendaki oleh Islam.

"Jika pada tahun 2020 kebolehan dan taraf hidup orang Islam di Malaysia masih di tahap sekarang, kita khuatir iman mereka akan tergunat. Harus diin-

gat bahawa kemiskinan adalah hampir kepada kekufuran," katanya.

Perdana Menteri menegaskan, Wawasan 2020 akan membebaskan rakyat daripada pergantungan sepanjang masa kepada ilmu, kebolehan dan kekayaan negara maju.

Katanya, peningkatan pendapatan per kapita sehingga \$6,781 dalam masa 34 tahun selepas merdeka perlu digiatkan lagi bagi mencapai lapan kali ganda dalam masa 30 tahun lagi, iaitu pada 2020.

"Oleh itu, Malaysia yang ditakrif negara membangun mampu mencapai taraf negara maju jika

kita sanggup mengamalkan etika kerja dan sifat mulia," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata, sifat mulia rakyat Malaysia perlu ditingkatkan supaya keamanan dan kestabilan negara akan berterusan, di samping mengelakkan rusuhan.

"Satu daripada sifat mulia ialah tidak mementingkan diri sendiri tetapi mengutamakan masa depan bangsa dan negara," katanya.

Sehubungan itu, semua pihak perlu bekerja keras untuk mencapai matlamat wawasan itu termasuk generasi muda yang perlu bersedia dari sekarang.